AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

# Hanya perlu buat ujian swab

Pengembara dari Sabah tidak perlu menjalani kuarantin wajib selama 14 hari

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Bermula hari ini pengembara yang tiba dari Sabah hanya perlu menjalani ujian pengesanan Covid-19 (*swab test*) tiga hari sebelum berlepas dari negeri itu tanpa perlu menjalani kuarantin wajib selama 14 hari.



Pengembara dari Sabah hanya perlu membuat ujian swab tiga hari sebelum berlepas dari negeri itu.

Menteri kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba dalam kenyataannya berkata, keputusan itu dibuat dalam Mesyuarat Keselamatan Negara (MKN) kelmarin susulan Sabah menunjukkan trend penurunan jangkitan baharu Covid-19 berbanding Semenanjung terutama Lembah Klang.

Menurutnya, sekiranya pengembara berkenaan didapati positif Covid-19, mereka tidak dibenarkan keluar dari Sabah.

"Bagi yang positif, mereka akan dirujuk ke hospital untuk isolasi, rawatan dan pemantauan manakala bagi individu yang bergejala akan dirujuk menjalani pemeriksaan.

"Pengembara yang dibenar meneruskan perjalanan keluar dari Sabah akan melalui saringan demam dan gejala, pemeriksaan laporan ujian swab pengesanan Covid-19 serta diwajibkan penggunaan MySejahtera selepas di pintu masuk negara di Semenanjung, Sarawak dan Labuan," katanya.

Beliau berkata, sekiranya pengembara tidak bergejala dan laporan ujian makmal Covid-19 disahkan negatif, individu berkenaan tidak lagi perlu menjalani kuarantin wajib selama 14 hari.

Sebelum ini, bermula 11 Oktober lalu semua pengembara yang tiba dari Sabah diwajibkan melalui prosedur sedia ada selain diarah menjalani kuarantin wajib selama 14 hari.

Tindakan ini susulan peningkatan kes yang ketara di kebanyakan daerah di negeri tersebut selain peningkatan kes positif Covid-19 di negeri lain di Malaysia yang berkait dengan sejarah melawat Sabah.

## Muzakarah Fatwa Kebangsaan perhalusi vaksin Covid-19

PORT DICKSON - Penggunaan vaksin koronavirus (Covid-19) akan diperhalusi dalam Muzakarah Fatwa Kebangsaan akan datang dengan mengambil kira semua aspek termasuk soal masaqid syariah selain memastikannya tidak memudaratkan tubuh badan untuk jangka masa panjang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri berkata, perbincangan akan melibatkan pakar seperti mufti, wakil Kementerian Kesihatan dan ahli akademik.

"Dalam masa terdekat, kita akan dapat satu rumusan yang baik dengan melihat keseluruhannya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyerahkan sumbangan tabung Musaadah Covid-19 kepada seorang pesakit buah pinggang di sini semalam.

Pada persidangan Dewan Rakyat kelmarin, Zulkifli dilaporkan berkata, Mesyuarat Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) menjelaskan hukum penggunaan vaksin adalah harus.

Terdahulu, Zulkifli meluangkan masa kira-kira 30 minit menyantuni Muhammad Syahmi Mohd Shamsul Bahari, 19, yang mengalami kerosakan buah pinggang sejak berusia lima tahun di rumah ibu bapanya di Taman Lukut Makmur dekat sini.

Kisah Muhammad Syahmi mendapat perhatian ramai sebaik disiarkan media tiga hari lalu yang melaporkan bapanya, Mohd Shamsul Bahari Ab Jalal, 48, berhasrat menjual kediamannya bagi mencari dana untuk membiayai kos pembedahan anaknya itu.



Zulkifli (tengah) menyampaikan pek barangan asas kepada Mohd Shamsul Bahari (kiri) sambil diperhatikan Muhammad Syahmi di Taman Lukut Makmur, Port Dickson semalam.

## Pemandu ambulans meninggal lepas hantar pesakit negatif Covid-19

KUALA LUMPUR - Pemandu ambulans yang meninggal dunia selepas menghantar pesakit koronavirus (Covid-19) dalam satu kejadian di Perak kelmarin disahkan negatif pandemik tersebut.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, hasil beberapa ujian saringan Covid-19 yang dilakukan Allahyarham sebelum ini adalah negatif.

"Pesakit (pemandu ambulans) ada sejarah penyakit lain yang sedang dalam rawatan.

"Kementerian Kesihatan masih menjalankan siasatan berhubung punca sebenar kematian. Yang pasti, ada beberapa penyakit lain," menurutnya.

Bagaimanapun, Dr Noor Hisham enggan mengulas lanjut ketika ditanya berhubung perkara itu.

Tular di media sosial sejak kelmarin tentang pemandu ambulans itu yang dikatakan meninggal dunia selepas menghantar seorang pesakit Covid-19 ke sebuah hospital di Perak.

Gambar pemandu ambulans itu tular dalam keadaan terbaring dengan memakai peralatan perlindungan diri (PPE) serta dikerumuni beberapa petugas kesihatan yang cuba memberikan bantuan kecemasan.



Gambar pemandu ambulans yang meninggal dunia selepas menghantar pesakit Covid-19 tular di media sosial.

Difahamkan, pemandu ambulans berkenaan menghidap penyakit asma dan sewaktu kejadian, Allahyarham dipercayai keletihan sebelum tidak sedarkan diri. - *Bernama*

## Jumlah tangkapan individu ingkar PKPP berkurangan

KUALA LUMPUR - Jumlah individu ingkar arahan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) kelmarin menunjukkan penurunan apabila mencatatkan penangkapan 329 individu berbanding 807 orang pada hari sebelumnya.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, antara kesalahan termasuk tidak memakai pelitup muka seramai 131 individu, gagal mematuhi arahan penjarakan fizikal (59), gagal menyediakan peralatan merekod butiran pelanggan (50), rentas negeri atau daerah PKPB tanpa kebenaran (38) dan lain-lain (51).

"Daripada jumlah itu, seramai 311 individu telah dikompaun manakala lima individu direman dan 13 dijamin," katanya dalam kenyataan semalam.

Dalam perkembangan berkaitan, Ismail Sabri berkata, Ops Benteng yang dilaksanakan bagi mengekang jenayah rentas sempadan berjaya memberkas 88 pendatang tanpa izin, lima tekong serta merampas 13 kenderaan darat.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, sejak 24 Julai lalu sehingga kelmarin, seramai 73,713 individu pulang ke tanah air melalui pintu masuk sempadan antarabangsa. - *Bernama*